

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN AZAHAR BIN HASSAN

TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

Senator Tuan Azahar Bin Hassan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat alternatif lain yang boleh diaplikasikan untuk membaik pulih semula jeti Kuala Perlis ke Langkawi yang dikatakan sudah uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terminal Feri Penumpang dan *Roll-on/Roll-off* (RORO) Kuala Perlis berada di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia (JLM) yang merupakan Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT).
2. Kerja-kerja penyelenggaraan bagi terminal feri tersebut dilaksanakan oleh pihak syarikat yang dilantik melalui kontrak perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2021 sehingga 2025. Pemantauan berterusan dilaksanakan oleh JLM bagi memastikan terminal feri ini diselenggara mengikut jadual supaya berada dalam keadaan baik bertujuan memastikan keselesaan dan keselamatan penumpang yang menggunakan kemudahan di terminal ini.
3. Bagi tujuan memastikan tahap keselamatan fasiliti di terminal tersebut, JLM juga telah mengambil tindakan dengan memohon pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perlis untuk membuat pemeriksaan struktur jeti pada bulan Mei 2023 dan pemeriksaan tersebut telahpun dilaksanakan pada bulan yang sama. Selain itu, Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur & Pengangkutan (CKIP), JKR juga telah menjalankan pemeriksaan terminal tersebut pada 23 hingga 25 Julai 2024 lalu.
4. Dalam hal ini, berdasarkan hasil pemeriksaan yang dijalankan, mendapat terdapat banyak kerosakan yang dikategorikan pada tahap 4 (*very severe*). Sehubungan dengan itu, pihak JKR mencadangkan supaya khidmat perunding pakar digunakan untuk melaksanakan pemeriksaan secara menyeluruh termasuk cadangan kaedah penambahbaikan dan pengukuhan struktur jeti.
5. Justeru, pihak JLM akan memohon peruntukan melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) untuk mendapatkan khidmat perunding pakar ini bagi tujuan membuat pemeriksaan secara menyeluruh bagi terminal

NO SOALAN: 28

feri tersebut sebelum tindakan susulan diambil termasuk kerja-kerja penaiktarafan yang bersesuaian untuk dilaksanakan kelak.

Sekian, terima kasih.